

18 MAR 2004

Pilihan raya-Mood

SUASANA TENANG MEMIHAK KEPADA BARISAN NASIONAL

KUALA LUMPUR, 18 Mac (Bernama) -- Dengan tinggal hanya tiga hari lagi sebelum pengundian bagi pilihan raya umum ke-11 berlangsung, mood pengundi rata-rata dilaporkan lebih tenang berbanding suasana pada 1999 dahulu.

Antara faktor penyumbang kepada keadaan ini ialah kedudukan ekonomi negara yang baik, ketiadaan isu besar untuk dieksploitasikan pembangkang dan perasaan selesa atau "feel good" sejak peralihan kuasa negara yang teratur dan licin daripada Tun Dr Mahathir Mohamad kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Dan Abdullah, menerusi pelaksanaan pelbagai inisiatif dan tindakan yang membawa impak walaupun baru beberapa bulan menjadi Perdana Menteri, telah berjaya menanam keyakinan tinggi di kalangan rakyat.

Berlatarbelakangkan keadaan ini, menurut penganalisis politik, petanda-petanda menunjukkan Barisan Nasional (BN) bukan sahaja akan menang tetapi akan menang besar dan mengekalkan majoriti 2/3.

BN sudah pun mendapat suntikan semangat apabila mengaut 17 kerusi Parlimen dan 10 kerusi negeri tanpa tentangan sejak hari penamaan calon Sabtu lepas.

Berdasarkan input yang dikumpul daripada pelbagai pihak termasuk wartawan di lapangan, BN setakat hari ini dikatakan selesa di lebih separuh daripada 202 kerusi Parlimen yang dipertandingkan.

Jika ditambah 17 kerusi yang sudah dimenangi, ini bermakna BN dengan senang melepasi jumlah 110 kerusi yang diperlukan bagi majoriti mudah untuk menubuhkan kerajaan.

BN dikatakan menghadapi tentangan di kira-kira 70 kawasan tetapi ia bukanlah cabaran yang tidak boleh atasi.

Kawasan-kawasan ini diistilahkan sebagai kawasan "kelabu" yang bilangan pengundi atas pagarnya adalah besar.

Kumpulan atas pagar inilah yang merupakan sasaran kempen sengit saat-saat akhir semua parti yang bertanding.

Namun demikian, berdasarkan rekod, kebanyakan kawasan ini dijangka memihak kepada BN akhirnya.

Sementara itu, BN dikatakan telah menembusi beberapa kawasan yang dimenangi pembangkang, khususnya PAS, pada pilihan raya lepas dan berkemungkinan merampasnya kembali kali ini.

Bilangan kerusi yang dikategorikan "hitam" atau sukar dimenangi oleh BN telah menurun kepada sekitar 30 setakat hari ini.

Kebanyakannya adalah di Kelantan sementara yang lainnya di Terengganu, Pulau Pinang, Kedah dan Wilayah Persekutuan.

Ini merupakan satu peningkatan baik bagi BN memandangkan pada 1999, pembangkang memenangi 45 kerusi -- PAS 27, DAP 10, Keadilan lima dan PBS tiga (PBS kini kembali kepada BN).

Dewan Rakyat ketika itu mempunyai 193 kerusi tetapi kini ditambah menjadi 219 kerusi.

Bagi negeri-negeri, laporan dari lapangan menunjukkan BN mampu mempertahankan Kedah, berkemungkinan menawan semula Terengganu, memberi cabaran sengit kepada PAS di Kelantan dan kembali berkuasa di negeri-negeri lain.

Pengerusi BN Terengganu Datuk Idris Jusoh yakin BN akan memenangi lebih dua pertiga daripada kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Terengganu berdasarkan angin perubahan rakyat negeri ini.

"Ini bukan cakap kosong, lihatlah barisan calon kita yang jauh lebih baik dari PAS di mana kita telah menonjolkan gandingan calon yang begitu mantap sekali.

"Lihat pula manifesto tambahan BN yang terbukti mampu mengubah nasib rakyat di negeri ini dan jangan lupa pula kegagalan PAS dalam memerintah Terengganu selama lebih empat tahun lepas," katanya ketika berucap pada majlis ramah mesra rakyat bersama Perdana Menteri di Sekolah Kebangsaan Tengku Mahmud Satu, hari ini.

Idris, yang juga Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Terengganu berkata sokongan luar biasa rakyat di Terengganu terhadap BN sejak akhir-akhir ini dapat dirasakan apabila pelbagai pihak tampil memberikan sokongan terbuka kepada BN.

Selepas melancarkan kempen sengit selama enam hari, BN Kedah

yakin meraih kemenangan lebih dua pertiga kerusi DUN dan sekali gus menggagalkan percubaan PAS untuk menawan negeri Jelapang Padi ini.

Tokoh veteran Umno yang juga penasihat Perhubungan Umno Negeri Kedah

Tan Sri Azahari Taib berkata BN yakin memenangi lebih 28 daripada kerusi DUN yang dipertandingkan.

"Kita telah berjaya menembusi sebahagian besar daripada 12 kerusi DUN yang dikuasai oleh PAS sementara mempertahankan 23 kerusi DUN yang dikuasai sekarang," katanya kepada Bernama.

Bagaimanapun pembangkang yang diterajui PAS yang menghadapi BN kali ini tanpa isu besar juga yakin parti itu, yang memenangi 12 daripada 36 kerusi DUN pada pilihan raya umum lepas, akan menumbangkan BN.

Pesuruhjaya PAS negeri Kedah Azizan Abdul Razak berkata parti itu "semakin mara dalam keadaan yang selesa" dalam percubaannya untuk menumbangkan BN di negeri ini.

Di Kelantan, berdasarkan peningkatan kempen jentera Umno dan dibantu dengan populariti imej Perdana Menteri, terdapat peningkatan sokongan pengundi di semua kawasan parlimen dan DUN, menyebabkan ada pihak percaya bahawa BN boleh membuat kejutan.

Pengarah Media BN Kelantan Datuk Hassan Harun menganggarkan bahawa Umno boleh membentuk kerajaan negeri melalui majoriti tipis, selepas Ahad ini, jika dapat mempengaruhi pengundi khususnya pengundi di bandar yang berfikiran lebih terbuka.

Pada masa ini Umno berpeluang cerah memenangi kerusi Parlimen Gua Musang dan ketiga-tiga kerusi DUN di bawahnya -- Galas, Paloh dan Nenggiri -- selain merampas parlimen Jeli (Datuk Mustapa Mohamed) dan parlimen Bachok (Datuk Awang Adek). Kerusi Parlimen lain yang dijangka ada peluang dimenangi BN ialah Peringat, Pasir Puteh, Kota Baharu dan Kuala Krai.

Di Johor, tanpa isu hangat yang boleh diungkit pembangkang, BN dijangka tidak menghadapi masalah memenangi 24 kerusi parlimen dan 55 kerusi DUN yang dipertandingkan, menurut setiausaha BN negeri Datuk Ali Hassan.

BN setakat ini menang tanpa bertanding kerusi parlimen Kota

Tinggi dan Penggerang serta DUN Penawar. Ia terlepas satu kerusi DUN Senggarang pada hari penamaan calon disebabkan kesilapan teknikal calonnya.

Di Sabah, parti pemerintah dijangka kembali dengan mandat yang lebih besar. Ia setakat ini memenangi 17 kerusi tanpa bertanding -- sembilan bagi kerusi parlimen dan lapan kerusi negeri.

Dengan tiga hari lagi sebelum pengundian, BN dilihat berpeluang cerah memenangi baki 16 kerusi parlimen dan menang 100 peratus 52 kerusi DUN.

Bagaimanapun BN lebih berhati-hati dengan cabaran calon bebas terutama di DUN Sook dan Kepayan, dua kawasan kelabu bagi BN. Sabah mempunyai 60 kerusi negeri dan 25 kerusi parliamen.

Di Selangor, BN dijangka tidak menghadapi kesukaran untuk memenangi dua pertiga kerusi yang dipertandingkan. Negeri itu mempunyai 22 kawasan parlimen dan 56 DUN.

BN Selangor yang mensasarkan matlamat "pembangkang sifar" dijangka akan menghadapi kesukaran untuk merealisasikan kerana terdapat beberapa kawasan yang dianggap "kelabu" dan "hitam".

Bagaimanapun, ia yakin menerusi komitmen serius jentera parti, kawasan berkenaan akan berjaya diputihkan akhirnya bagi memastikan kemenangan calon BN.

Di Wilayah Persekutuan, BN dijangka akan menang tujuh kerusi Parlimen manakala pembangkang tiga kerusi parlimen dan satu kerusi masih lagi samar-samar setakat ini.

Kerusi yang mungkin dimenangi BN Batu, Wangsa Maju, Segambut, Setiawangsa, Titiwangsa, Lembah Pantai dan Bandar Tun Razak.

Di Pahang, BN dijangka tidak menghadapi masalah besar untuk mengekalkan pemerintahannya dan misinya kini ialah merampas semula kerusi yang dimenangi pembangkang - DUN Tahan, Penur, Kuala Pahang, Jengka, Semantan dan Guai (milik PAS), Triang (DAP) dan Chini (Keadilan).

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak ketika bercakap kepada pemberita di Pekan hari ini, yakin sokongan terhadap BN di seluruh negara termasuk di Pahang semakin mantap ekoran tiada lagi masalah dalaman yang dihadapi serta dibantu pula oleh jentera pilihan rayanya yang semakin

berkesan.

Najibu yang juga penyandang kerusi parlimen Pekan, yakin pembangkang yang ketandusan isu kini, sukar meraih sokongan pengundi.

Di Pulau Pinang, pemerhati politik, Prof Amir Hussin Baharuddin dari Pusat Pengajian Sains Sosial dan Ekonomi Universiti Sains Malaysia (USM) berkata strategi dan pemilihan calon BN di negeri ini meletakkan parti itu di landasan yang betul untuk mencapai kemenangan.

Katanya dasar-dasar Abdullah dan gaya kepimpinan beliau yang telus menimbulkan keyakinan rakyat kepada kerajaan BN dan ini menarik sokongan masyarakat berbilang kaum di Pulau Pinang untuk memberi mandat lebih besar kepada anak kelahiran Kepala Batas itu.

Di Melaka, Pengerusi BN negeri yang juga Ketua Menteri, Datuk Mohamed Ali Rustam yakin BN akan menang besar berdasarkan sokongan rakyat terhadap segala projek pembangunan dan dasar yang dilaksanakan selama ini.

Bagi kawasan parlimen Kota Melaka yang dikuasai DAP, BN kini berusaha keras untuk merampasnya dan sekiranya BN kalahpun, ia mungkin boleh mengurangkan majoriti yang dimenangi pembangkang. BN juga mempunyai harapan cerah merampas dua lagi kerusi DAP -- DUN Kesidang dan Bachang.

Di Perak, daripada 24 kerusi, sekurang-kurangnya lapan kawasan parlimen menghadapi saingan sengit terutama di Parit Buntar dan Taiping setakat ini.

Kawasan tumpuan perebutan yang lain ialah Parit, Batu Gajah, Ipoh Barat, Bukit Gantang, Beruas dan Ipoh.

Calon BN di Parit Buntar ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri Brid Jen (B) Datuk Seri Abdul Hamid Zainal Abidin yang berdepan dengan naib presiden PAS dan penyandang Datuk Hasan Ali sementara Presiden Parti Progresif Penduduk (PPP) Datuk M. Kayveas terlibat dalam pertandingan tiga penjuror di Taiping menentang calon DAP dan Keadilan.

Pengerusi DAP Lim Kit Siang yang mencuba untuk kembali sebagai anggota parlimen menentang penyandang Thong Fah Chong, calon BN di Ipoh Timor dan ramai meramalkan ia satu perebutan sengit sehingga ke akhir.

Daripada 59 kerusi negeri, BN telah menang tanpa bertanding satu kerusi pada hari penamaan calon dan berpeluang cerah menang besar lagi

kecuali di
DUN Titi Serong, Gunung Semanggol, Sitiawan dan Pasir Bedamar yang
dilihat
hebat cabarannya.

-- BERNAMA

AR AHH RON